

## Kaliber pegawai

JIKA Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, menyeru semua pegawai Perkhidmatan Awam supaya meningkatkan usaha melengkapkan diri untuk menyahut cabaran pembangunan negara ini, ia tidaklah sukar difahami. Selaras dengan kadar pembangunan sosio-ekonomi negara yang pesat dalam dua dekad yang lalu aspirasi rakyat dan negara telah meningkat dan dengan ini masalah mencapai matlamat-matlamat pembangunan masyarakat menjadi jauh lebih kompleks. Waktu ini matlamat pembangunan negara bukan lagi sesuatu yang kabur atau abstrak. Dasar Ekonomi Baru memberikan sasaran operasi yang jelas untuk dituju. Menjelang 1990 kejayaan segala usaha pembangunan Kerajaan akan diukur berdasarkan kadar kemiskinan yang masih tinggal dan sejauh mana pula proses penyusunan semula masyarakat telah dihasilkan untuk menjamin perpaduan negara. Ternyata keupayaan Kerajaan mencapai matlamat-matlamat ini tergantung bukan sedikit kepada kecekapan jentera Perkhidmatan Awamnya.

Hakikat ini memang disedari oleh Kerajaan. Oleh sebab itulah pemimpin-pemimpin utamanya sering sahaja menekankan betapa pentingnya negara mempunyai sistem Perkhidmatan Awam yang cekap dan dedikasi. Selaras dengan peruntukan yang lebih besar bagi RME dan demi kepentingan mengatasi kekurangan-kekurangan pencapaian RMT, perkara ini ternyata telah diberikan perhatian yang berat. Kekurangan kakitangan telah diatasi dengan perlantikan pegawai secara besar-besaran melalui Operasi Isi Penuh. Pelaksanaan kod Perkhidmatan Awam semenjak dua tahun dan langkah serentak memperketat disiplin di semua peringkat nampaknya telah berjaya memperbaiki sedikit sebanyak sikap dan sifat kerja pegawai-pegawai Kerajaan. Masalah ponteng dan kurang menepati waktu kerja telah jauh berkurangan. Di samping itu penyemakan semula skim gaji dan syarat-syarat Perkhidmatan Awam juga seharusnya dapat memperbaiki dorongan pekerja untuk lebih gigih dan efisien.

Tetapi walaupun apa langkah yang diambil untuk memperbaiki mutu Perkhidmatan Awam di negara ini, dengan bilangan pegawai yang begitu besar dan yang terpecah pula kepada berpuluh jabatan di bawah pengawasan ketua masing-masing, kejayaan sebarang tindakan yang menyeluruh banyak bergantung kepada tindakan individu. Dalam keadaan yang demikian hanya kesedarannya yang ikhlas dan mendalam terhadap beban tugasnya dan keperluan meningkatkan keupayaannya sendiri sahaja yang menjadi faktor yang kritikal menentukan sama ada ia akan menjadi seorang penyumbang yang positif atau seorang penumpang yang hanya wujud dan akan berlalu tanpa meninggalkan sebarang kesan.

Bahan asal dari Arkib